

**SEKOLAH HENRY GURNEY SEBAGAI
PUSAT PEMULIHAN JUVANA,
1950 – 1990**

Oleh:-

**BAHARULLAH BIN HJ. ADAM
NO.MATRIX : AGE 020025**

Disertasi sebagai syarat memperolehi Sarjana Sastera
(Secara Berkursus dan Disertasi) dengan kepujian

Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera Sains Sosial
Universiti Malaya Kuala Lumpur

SESSI 2003 / 2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511705274

KANDUNGAN

MS

Senarai Kependekan	i
Senarai Peta, Carta, Jadual dan Gambar	ii – iii
Prakata	iv
Penghargaan	v
Abstrak	vi – vii
Pendahuluan	viii - xvi
Bab 1: Melaka Secara Umum	1
Geografi Melaka	1
Sejarah Melaka	2
Hukuman kepada kanak-kanak di zaman Abdullah Munshi	5
Salah laku juvana	11
Sebab-sebab berlakunya keadaan salah asuhan	14
Bab 2: Dasar Penubuhan Sekolah Henry Gurney	25
Penubuhan Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka	44
Bab 3: Perkembangan Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka 1950 – 1990	57
Bab 4: Bentuk Pemulihan di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka	73
Bentuk Pembelajaran dan Latihan	79
Latihan Akademik	86
Kawalan dan Hukuman	96
Surat Menyurat dan Perjumpaan	99

Bab 5:	Masalah Utama dan Pandangan Masyarakat Luar Terhadap Sekolah Henry Gurney	104
	Pandangan Masyarakat Luar	114
	Cadangan	118
	Kesimpulan	120
Lampiran 1		127 - 134
Lampiran 2		135 - 150
Lampiran 3		151 - 155
Bibliografi		156 - 163

Senarai Kependekan

A.A.S.T.M.M.	: Advanced Approved School, Telok Mas, Melacca
B.M.A.	: British Military Administration
S.H.G	: Sekolah Henry Gurney
INTAN	: Institut Pentadbiran Awam Negara
I.S.K.	: Ishara Synon Khisa
J.K.R.	: Jabatan Kerja Raya
S.L.P.P.	: Sekolah Latihan Pegawai Penjara
Y.O.	: Young Offender

Senarai Peta, Rajah, Carta, Jadual dan Gambar

Bil.

Muka surat

1. Peta negeri Melaka dan Lokasi Sekolah Henry Gurney	xvii
2. Rajah 1 – Apit China	6
3. Rajah 2 – Kayu Palat	7
4. Rajah 3 – Rantai Besi	7
5. Rajah 4 – Singgang	8
6. Rajah 5 – Di gantung tiada berjejak kaki	9
7. Jadual 1 – Jenis Kesalahan Pesalah Juvana	31
8. Gambar 2.1 – Bangunan Lama Syarikat Ishara Synon Khisa (ISK)	43
9. Gambar 2.2 – Blok Kediaman ‘Terbuka’ Juvana	48
10. Peta Lokasi Institusi Penjara dan S.H.G. di Malaysia	49
11. Gambar 2.3 – Pintu Masuk Utama S.H.G. Telok Mas, Melaka	50
12. Gambar 2.4 – Pintu Masuk Utama D.D.M. Ayer Keroh, Melaka	50
13. Gambar 2.5 – Sekolah Henry Gurney Tertutup, Bandar Hilir, Melaka	51
14. Gambar 2.6 – Blok-blok Kediaman Pesalah Juvana D.D.M. Air Keroh, Melaka .	51
15. Gambar 2.7 & 2.8 – Pagar Keselamatan S.H.G. Telok Mas, Melaka	52
16. Gambar 3.1 – Pemandangan Pintu Kedua & Pos Kawalan S.H.G. T. Mas.	59
17. Jadual 2 – Daftar Kemasukan Penghuni Penjara 1948-1954	60
18. Jadual 3 – Jenis Kesalahan yang di lakukan oleh Pesalah Juvana	62
19. Jadual 4 – Kemasukan Penghuni S.H.G. 1963 – 1982	63
20. Jadual 5 – Bilangan Kes mengikut negeri 1963 – 1971	65
21. Jadual 6 – Jenis Kesalahan Pesalah Juvana	69
22. Jadual 7 – Kemasukan Pesalah Juvana	71

23. Jadual 8 – Jadual Harian Penghuni S.H.G.	74
24. Carta 1 – Penguasa S.H.G. Telok Mas, Melaka	76
25. Carta 2 - Struktur Pentadbiran S.H.G.	76
26. Carta 3 – Organisasi Pentadbiran S.H.G.	78
27. Carta 4 – Peringkat Penghuni S.H.G.	81
28. Carta 5 - Keistimewaan Penghuni S.H.G.	84
29. Gambar 4.1 – Pesalah Juvana sedang memberi makan arnab	92
30. Gambar 4.2 – Pesalah Juvana sedang mengambil hasil lebah	92
31. Gambar 4.3 – Pesalah Juvana sedang melakukan kerja penanaman cendawan	93
32. Gambar 4.4 – Pesalah Juvana sedang membersih kolam ikan air tawar	93
33. Gambar 4.5 & 4.6 – Pesalah Juvana sedang membina pintu gerbang D.D.M.	94
34. Gambar 4.7 – Pesalah Juvana sedang bermain Pancaragam	95
35. Gambar 4.8 – Padang Bola Sepak dan Trek S.H.G. Telok Mas, Melaka	95
36. Gambar 4.9 – Panel Grade Lama S.H.G. Telok Mas, Melaka	99
37. Jadual 9 – Skel Diet Harian Penghuni / Banduan	100 – 101
38. Jadual 10 – Diet Tambahan Penghuni / Banduan	102
39. Jadual 11 – Rekod Kelarian S.H.G. 1969 – 1982	106 - 107

Prakata

Diskusi saya dimulakan dengan memberi pendedahan awal tentang sejarah hukuman juvana. Akta Juvana 1947 ditubuhkan kerana banyak berlakunya kesalahan-kesalahan jenayah di kalangan remaja. Di samping itu hukuman tidak dihadkan mengikut umur dan tempat, hukuman juga tidak diasingkan di antara orang dewasa dengan juvana. Pihak British berusaha melaksanakan beberapa bentuk pemulihan ke atas pesalah juvana pada peringkat awal.

Selain itu saya cuba membincangkan faktor-faktor atau punca-punca berlakunya salah asuhan di kalangan remaja dalam tiga dekad. Penjelasan mengenai perkara ini amat perlu untuk mencari kesimpulan bagaimana hendak mengurangi masalah sosial yang dihadapi hingga ke hari ini. Kita semua ketahui dan sedar bahawa remaja merupakan pewaris yang akan menerajui negara ini. Justeru itu kepentingan Sekolah Henry Gurney hari ini perlulah dilihat terutama dari aspek bentuk latihan dan pemulihan yang dijalankan ke atas juvana. Di samping itu juga dapat kita lihat sejauh manakah keberkesanan peranan Sekolah Henry Gurney pada juvana khasnya dan masyarakat umumnya.

PENGHARGAAN

Bismillah-hirrahman-nirrahim

Dalam usaha penulis menyempurnakan disertasi ini penulis sangat terhutang budi kepada mereka yang telah sudi memberikan pertolongan yang sangat diharapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diberikan kepada Prof. Dato Dr. Ramlah Adam yang telah banyak membantu, memberi nasihat panduan dan meneliti segala isi yang terkandung di dalam penulisan ini.

Ucapan terima kasih serta penghargaan juga ditujukan kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Penjara, Malaysia kerana telah memberikan kebenaran bagi penulis untuk membuat kajilidikan sehingga lahirnya tesis ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Perpustakaan, Arkib Negara, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka, Dusun Dato' Murad, Air Keroh, Melaka dan kepada semua responden di Melaka yang telah bekerjasama memberikan segala sumber yang sangat diperlukan semasa penulis menjalankan penyelidikan secara lisan di sana.

Abstrak

Latihan Ilmiah ini secara keseluruhannya cuba mengutarakan satu kajian ringkas mengenai pentadbiran dan peranan Sekolah Henry Gurney,Telok Mas, Melaka di antara tahun 1950 sehingga akhir tahun 1990. Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka dipilih sebagai kawasan kajian kerana ia merupakan satu-satunya sekolah pusat tahanan juvana di Semenanjung Malaysia. Semua tahanan juvana yang dihukum oleh mahkamah Juvana seluruh Semenanjung dihantar ke sekolah ini untuk menjalani latihan pemulihan selama 3 tahun atau hingga mencapai umur 21 tahun.

Di sini dapat dilihat dasar British berusaha untuk mengatasi salah asuhan yang melanda remaja tempatan. Secara langsung dan tidak langsung remaja merupakan tulang belakang negara dalam meneruskan kemakmuran. Beberapa usaha gigih dilakukan untuk menyelesaikan masalah salah asuhan dan memulih sekumpulan remaja dari terus tersesat. Kepentingan pusat pemulihan Juvana ini semakin jelas bilamana masalah sosial remaja sejak akhir-akhir ini semakin meruncing.

Sehubungan dengan itu, penubuhan Sekolah Latihan Pegawai di tahun 1951 telah memberikan kesan secara langsung dalam pemulihan kepada juvana yang ditempatkan di sini. Mereka telah mendapat layanan yang sewajarnya dan tidak lagi disama tarafkan dengan banduan atau penjenayah yang ditahan di penjara-penjara di negara ini. Pemulihan dan pendidikan ke atas kanak-kanak di sekolah ini maju setapak lagi dengan adanya bantuan kerajaan bagi menubuhkan beberapa bengkel perusahaan yang baru serta penyusunan semula kurikulum pendidikan. Mereka ini dapat belajar seperti kanak-kanak

lain di sekolah kerajaan. Walau bagaimanapun sekolah ini masih lagi berhadapan dengan beberapa masalah dan kelemahan yang perlu di atasi dari masa ke semasa khasnya dari segi cara memberikan pemulihan dan pendidikan kepada kanak-kanak.

PENDAHULUAN

Kanak-kanak merupakan khazanah negara yang tidak ternilai harganya. Mereka bakal menggantikan para pemimpin dewasa ini serta penentu bangsa dan negara di masa hadapan. Justeru itu segala gerak geri dan corak penghidupan mereka di masa hadapan semestinya dirancang oleh ibubapa dan masyarakat secara keseluruhannya agar tidak membebankan mana-mana pihak di kemudian hari.

Masalah salah asuhan yang berlaku di kalangan kanak-kanak adalah merupakan dilema yang terus dan terpaksa dihadapi oleh masyarakat dan negara. Keterlibatan mereka ini dengan jenayah dan segala perlakuan yang tidak berfaedah merupakan beban yang terpaksa dipikul oleh kesemua anggota masyarakat di negara ini tanpa mengira bangsa dan agama. Penubuhan Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka dan cawangan-cawangannya di seluruh negara adalah di antara beberapa usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah bersama ini. Sebagai salah sebuah institusi pertahanan sosial, sekolah ini telah dapat menyumbangkan baktinya dalam usaha memberikan pemulihan kepada kanak-kanak dan seterusnya membentuk satu kehidupan yang baru bagi mereka menghadapi masa depan.

Objektif Kajian

Melalui kajian ini, pengkaji berusaha untuk memperlihatkan peranan pusat tahanan remaja ini dalam memulih dan membimbing kanak-kanak salah laku. Ini bertujuan supaya remaja ini menjadi manusia yang lebih berguna kepada bangsa, agama dan negara. Lebih-lebih lagi pula mereka merupakan pewaris bangsa. Sehubungan dengan itu juga, pengkaji akan mengaitkan beberapa kes jenayah dan sebab-sebab berlaku terutama selepas Perang Dunia Kedua hingga era 1990 an. Penyelidikan ini juga membincangkan sistem yang diguna dalam memulih remaja ini dan sejauh manakah keberkesanannya dalam memandu hala tuju remaja berkenaan selepas dibebaskan kelak. Seterusnya dapat membantu pihak pentadbir Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Jabatan Pelajaran, ibu bapa, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama Negeri, Jawatan kuasa Kemajuan Kampung dan Keselamatan (JKKK) dalam merencanakan pelan tindakan yang efektif, realistik dan teratur dalam usaha menangani gejala sosial remaja yang semakin ketara sejak akhir-akhir ini.

Sorotan Literatur

Kajian ini menggunakan beberapa buah buku mengenai jenayah juvana dan di dalam buku Juvenile Delinquency: The Juvenile Offender in American Today menyatakan tentang segala perlakuan dan kenakalan wujud berdasarkan prinsip bahawa manusia itu mempunyai kebebasan yang mutlak dalam memilih serta melakukan sebarang perlakuan yang diingini. Mereka melakukan kebaikan atau kejahatan berdasarkan kemahuannya tanpa mendapat tentangan atau halangan dari pihak kedua. Apa yang ketara ialah segala perlakuan serta pemilihan terhadapnya adalah berkecenderungan kepada kejahatan.

Kesenangan hidup di dunia merupakan matlamat utama ibu bapa sehingga mereka terlupa memberi perhatian kepada pendidikan kanak-kanak di bawah jagaannya. Buku ini adalah penting sebagai salah satu bahan rujukan untuk mengetahui faktor-faktor yang mendorong berlakunya salah laku remaja.

Sebuah buku bertajuk Persoalan Remaja, Masa Kini yang ditulis oleh Aminah Hj. Noh jelas menyatakan bahawa punca-punca masalah sosial yang melibatkan remaja adalah kerana kelemahan didikan dari ibu bapa. Buku ini turut memaparkan sikap ibu bapa yang tidak memberi kasih sayang yang sebenarnya pada anak-anak,, tidak bersembahyang bersama, pengaruh kawan dan lain-lain lagi. Buku ini dianggap menarik kerana dapat menjelaskan secara dalaman punca berlakunya salah asuhan terutama dari segi kelemahan ibu bapa.

Kajian ini juga menggunakan sebuah Buku Panduan mengenai Jabatan Penjara yang ditulis oleh Abdul Ghani Salleh sebagai salah satu bahan rujukan mengenai perjalanan program-program pemulihan dan latihan yang telah dijalankan oleh para banduan dan kanak-kanak salah asuhan. Dari sini dapat dilihat bentuk-bentuk program yang diberi. Namun begitu program-program latihan ini hanya ditekankan kepada banduan sahaja tanpa menjelaskan secara luas pemulihan pada kanak-kanak salah asuhan.

Selain daripada buku-buku, hanya sebuah tesis ditulis oleh saudara Phang Muh Chin, bertajuk "Sejarah Perkembangan Sistem Penjara di Semenanjung Tanah Melayu sehingga 1957". Tesis ini hanya menyatakan tentang sistem pemulihan banduan dari

zaman British hingga merdeka. Begitu juga sebuah tesis yang ditulis saudara Shaari bin Mat Adam yang menulis tentang “Peranan Jabatan Penjara Taiping ke arah Pemulihan Banduan”. Kedua-dua tesis ini jelas menghuraikan tentang program-program pemulihan pada orang dewasa. Hanya sebuah kertas kerja yang ditulis oleh Dato’ Hj. Ibrahim Mohamad (bekas Pengarah Penjara Malaysia) mengenai bentuk-bentuk pemulihan budak-budak salah asuhan. Oleh yang demikian tiada lagi penulisan secara khusus tentang pusat pemulihan juvana.

Kepentingan Kajian

Kajian ini akan dapat mendedah dan memberitahu kepada masyarakat tentang pentingnya peranan Sekolah Henry Gurney terhadap pemulihan remaja yang salah asuhan. Di sini juga dapat dilihat sejauh mana bentuk pemulihan ini berkesan melatih juvana ini kembali ke pangkal jalan dan menjadi manusia yang berguna pada bangsa, agama dan negara. Seterusnya dapat diketahui sebab-sebab berlakunya masalah sosial di kalangan remaja dan berapa ramaikah kemasukan juvana ini ke Sekolah Henry Gurney. Kita juga dapat mengukur bagaimana tindak balas masyarakat terhadap mereka apabila dibebaskan.

Permasalahan Kajian

Tujuan pengkajian ini dibuat ialah untuk menjawab beberapa persoalan mengapa Sekolah Henry Gurney ditubuhkan. Pertama kita akan dapat melihat peranan dan matlamat sekolah ini. Dalam hal yang sama juga dapat kita mengetahui bagaimana pihak pentadbiran menghadapi beberapa masalah terutama aspek-aspek pemulihan dan

prasarananya. Sehubungan dengan itu juga, beberapa isu dapat dikenal pasti dan dalam masa yang sama boleh merancang beberapa cara untuk menyelesaikan masalah tersebut. Seterusnya dapat dirumus beberapa pandangan dan cadangan dari masyarakat.

Kaedah Penyelidikan

Di dalam penyelidikan, penulis telah menggunakan beberapa kaedah penyelidikan yang sistematis supaya dapat menghasilkan satu kajian yang bermutu. Beberapa kaedah utama digunakan antaranya:

- a. Memungut maklumat daripada Jabatan Penjara Malaysia, Arkib Negara, Penjara Bandar Hilir (Penjara Remaja Tertutup), Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka dan Dusun Dato' Murad Air Keruh, Melaka (Pertanian). Maklumat dan data ini adalah dalam bentuk laporan tahunan, dokumen, risalah, majalah, surat-surat rasmi , fail-fail, akhbar, memori dan pengalaman pengkaji yang pernah bertugas di Jabatan Penjara selama 13 tahun (1982-1995).
- b. Memungut ‘fieldwork research’ iaitu dengan melakukan lawatan ke pusat-pusat tahanan, terutama untuk melihat bilik asingan, bilik deraan, bengkel, kelas pembelajaran dan blok-blok kediaman. Ini semua untuk memperkuuhkan fakta-fakta bertulis yang sedia ada.

- c. Kaedah temu bual dijalankan dengan pegawai dan bekas pegawai penjara yang pernah terlibat bersama dalam membangunkan sekolah tahanan muda ini.

Penggunaan ketiga-tiga sumber ini dianggap sebagai satu kaedah kaji banding, disamping saling lengkap melengkapinya antara satu sama lain dalam proses menulis untuk membuktikan dan memperkuatkan sesuatu fakta bersifat sejarah. Dalam usaha mengkaji dan meneliti sumber-sumber ini, pendekatan berbentuk ‘interpretative’ (interpretasi) dan ‘komperatif’ (perbandingan) dipraktikkan. Melalui pendekatan ini, usaha untuk meneliti, mencungkil, membina dan menyusun fakta dapat dilakukan untuk memenuhi matlamat dan skop kajian ini. Sumber yang digunakan adalah sumber awalan dan pendua. Penulis banyak menggunakan sumber-sumber seperti laporan tahunan, akhbar, buku-buku, artikel, majalah, tesis, kertas kerja, buku lawatan dan buku tugas Pegawai Penjara.

Skop Kajian

Untuk memudahkan lagi penulisan latihan ilmiah ini, penulis telah membahagikannya kepada lima bab. Dalam bab pertama, mengenai sejarah awal hukuman kanak-kanak di Tanah Melayu. Di sini dikaitkan bagaimana bentuk hukuman dijalankan pada zaman Abdullah Munshi. Seterusnya disentuh juga tentang faktor-faktor punca berlakunya salah laku di kalangan kanak-kanak / remaja.

Di dalam bab kedua pula dibincangkan tentang dasar penubuhan Sekolah Hendry Gurney oleh British, latarbelakang masyarakat dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat berbilang kaum serta kesannya kepada kanak-kanak. Seterusnya usaha-usaha menubuhkan sebuah institusi untuk memberikan pemulihan kepada kanak-kanak iaitu Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Di dalam bab ketiga, dan keempat penulis membincangkan peranan organisasi dan pentadbiran Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. Bab ini seterusnya cuba menjelaskan akan pentadbiran ke atas para penghuni secara keseluruhannya, bentuk pembelajaran dan latihan yang diberikan, kawalan dan hukuman, makanan atau diet penghuni, surat menyurat dan perjumpaan, lawatan ke bandar, cuti dan akhirnya pembebasan penghuni. Selain dari itu dihuraikan juga jumlah kemasukan juvana ke sekolah ini melalui tiga dekad iaitu tahun 1960 an, 1970 an dan 1980 an.

Dalam bab lima, penulis memperkatakan tentang beberapa masalah utama yang terpaksa dihadapi oleh sekolah ini khasnya masalah kelarian penghuni. Selain dari itu juga terdapat masalah seperti pergaduhan yang melibatkan kumpulan dan kaum. Seterusnya diberikan beberapa cadangan yang difikirkan boleh memperbaiki lagi pentadbiran bagi pemulihan juvana. Dalam hubungan ini pihak pentadbir Sekolah Hendry Gurney menghadapi masalah kekurangan pegawai runding cara untuk memberi kaunseling kepada pesalah juvana.

Akhir sekali diberi tumpuan kepada pandangan masyarakat luar tentang keberkesanan Sekolah Henry Gurney sebagai pusat pemulihan Juvana. Masyarakat amat bersetuju tentang program-program yang dijalankan oleh pihak Jabatan Penjara dalam memberi pemulihan kepada juvana ini. Mengenai kadar kemasukan yang semakin meningkat itu merupakan faktor lain.


Masalah Kajian

Secara keseluruhannya penulisan ini banyak bergantung kepada sumber-sumber awalan dan juga sumber pendua. Malangnya apa yang berlaku ialah kebanyakan sumber ini seperti fail-fail yang diperlukan agak sukar didapati serta tidak dapat dikesan dan ianya memerlukan pengesahan serta kebenaran dari pihak berkuasa untuk digunakan. Selain dari itu, banyak fail-fail ini telah dibakar oleh pihak Jepun ketika pengunduran mereka. Dalam pada itu juga, pihak Jabatan Penjara tidak membenarkan penulis menemu ramah juvana dan juga bekas budak-budak Sekolah Henry Gurney. Andaikata jika dibenarkan sudah pasti dapat melengkapkan lagi kajian ini. Walau bagaimanapun pihak S.H.G. masih membenarkan pengambilan gambar dibeberapa kawasan yang difikirkan perlu tetapi wajah juvana hendaklah dilindungkan.

Berhubung dengan data-data yang digunakan, penulis sekali lagi berhadapan dengan masalah disebabkan tiadanya data-data yang lengkap serta boleh dipertanggungjawabkan. Oleh yang demikian terdapat beberapa data yang digunakan telah disesuaikan dari laporan dan rekod-rekod lama dan tertakluk pula kepada perubahan serta pembetulan. Dalam usaha mengatasi kekurangan ini, penulis telah mengadakan

temubual dan wawancara dengan beberapa orang pentadbir di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka dan para pesara bagi mendapatkan sumber yang diperlukan. Walaupun terpaksa menghadapi masalah kurang ingatan ataupun ingatan yang telah mula luput tetapi ia sekurang-kurangnya telah dapat menampung serta mengesahkan segala keterangan bertulis.

Negeri Sembilan



Peta Melaka dan Lokasi Pusat Pemulihan Juvana.

S.H.G. Telok Mas